



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	HARIAN METRO		
TARIKH	:	30/9/2019	MUKA SURAT	: 12
JABATAN	:	PERHILITAN		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

SFC selamatkan enggang hitam dalam kurungan

Miri: Seekor burung enggang hitam yang hidup dalam kurungan di Kampung Sayung, Limbang, diselamatkan Sarawak Forestry Corporation (SFC), Jumaat lalu.

Haiwan dilindungi itu diselamatkan selepas SFC menerima maklumat orang ramai, selain imej burung berkenaan yang dimiliki secara haram tular di laman sosial sejak beberapa hari lalu.

Ketua pegawai eksekutif (CEO) SFC, Zolkipli Mohamad Aton berkata, pemeriksaan mendapati burung itu dalam keadaan baik dan sihat.

Bagaimanapun, katanya, enggang hitam itu perlu dirampas kerana memelihara burung berkenaan adalah melanggar undang-undang.

“Semua spesies enggang adalah hidupan liar yang dilindungi mengikut Ordinan Perlindungan Hidupan Liar (1998).

“Sesiapa yang didapati bersalah kerana memburu, membunuh, menyimpan atau menjual hidupan liar ini dan yang dilindungi se-



ENGGANG hitam yang diselamatkan kakitangan SFC.

penuhnya atau mana-mana bahagian badannya, bakal dikenakan tindakan undang-undang,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Bagi hidupan liar dilindungi sepenuhnya, mereka yang disabit kesalahan boleh dikenakan hukuman penjara lima tahun dan denda sehingga RM50,000, manakala bagi hidupan liar dilindungi, pesalah boleh dikenakan penjara dua tahun dan denda RM25,000.